



TRANSFORMA

Woman General
p. 26-28
29-30

31-32, 37-38,
33
34
39

Wanita Malaysia bukan saja gemar menghisap rokok dan memandu laju tetapi juga mengejar lelaki. Nilai baru kehidupan mereka adalah refleksi gaya hidup Barat. Keengganan mereka berkahwin awal dan mendapat anak lebih daripada seorang pula menyebabkan negara menghadapi masalah keruncingan penduduk

ENTAH kenapa, wanita, seperti lelaki, merupakan makhluk yang cepat berubah. Di England sebelum zaman revolusi industri, misalnya, orang lelaki terperanjat apabila melihat wanita enggan mengemas rumah dan memasak apabila mereka mula bekerja. Hari ini, wanita yang sekadar melakukan tugas tradisinya, dianggap sesuatu yang mengejutkan.

Perubahan nilai dan gaya hidup wanita di seluruh dunia amatlah besar termasuk di Malaysia. Menurut seorang pemilik butik, ada wanita yang berbelanja sehingga RM15,000 setiap kali membeli pakaian baru dari butik-butik terkenal di ibu negara. Mereka berbelanja lagi hingga RM2,500 sebulan untuk barangan kecantikan diri.

Di Malaysia perubahan drastik mula berlaku pada tahun 1970-an apabila Dasar Perindustrian Baru diperkenalkan dan menarik ramai wanita ke dalam sektor berkenaan. Ia dipercayai telah menyebabkan wanita berubah sikap, menuntut persamaan hak antara jantina dan melakukan kerja-kerja lelaki. Malah mereka mahu memandu kapal perang dan jet pengebom yang selama ini hanya dilakukan oleh lelaki.

Kemajuan pendidikan, media massa dan Internet sekali lagi mempengaruhi perubahan minda dan menjadikan wanita lebih berani hinggakan tugas yang suatu ketika hanya dibuat oleh wanita seperti memasak dan menjaga anak, mula diserahkan kepada lelaki.

"Ada pula wanita hari ini yang berani mengeksploitasi lelaki untuk melakukan kerja-kerja seumpama itu untuk mereka," kata Prof. Dr. Fatimah Daud.

Bagaimanapun, hujah pensyarah di Jabatan Antropologi dan Sosiologi Universiti Malaya ini, wanita Malaysia pada umumnya masih berpegang kepada prinsip ketimuran.

"Saya teringat dalam satu seminar di

Brisbane baru-baru ini. Ada seorang profesor dari Amerika yang buat kajian di Vietnam membawa cerita kononnya wanita Asia pemalu dan tidak suka bercakap banyak apabila ditemu bual oleh orang asing. Saya kata kepadanya, anda silap. Wanita Timur amat menghormati suami dan mereka tidak akan berkelahi di hadapan orang. Budaya kita di Timur ialah menghormati suami sebagai ketua rumah tangga dan kita tidak menjatuhkan maruah mereka di depan tetamu."

Begitu juga, wanita Malaysia di era kebangkitan feminisme pada tahun 1980-an tidak melupakan tugas mereka sebagai wanita dan ibu. Mereka tidak antilelaki seperti pejuang feminisme Barat. "Wanita Malaysia sebaliknya mengejar lelaki. Mereka mahu berkahwin, berkawan dan bekerja bersama-sama," kata Fatimah. Tetapi sesetengah wanita hari ini, tambah beliau, bersikap ekstrem.

"Saya agak takut apabila melihat banyak wanita merokok dan perbuatan itu sendiri dianggap satu pemodenan gaya hidup." Namun apa yang lebih membimbangkan Fatimah ialah perubahan mental dan cara berfikir wanita moden yang cenderung berkahwin lambat, tidak mahu melahirkan anak, dan enggan menjaga ibu bapa yang telah tua.

"Bila saya buat kajian mengenai sikap dan pendapat generasi muda sekarang terhadap kehidupan berkeluarga, jawapan

LAPORAN KHAS

Oleh MUHD ZUKI PILEH, RAHAIZA ISMAIL dan HAMIDAH ZABIDI

Gaya Hidup Ala Barat.....	26
Jodoh Soal Terakhir.....	29
Seks, Rokok Dan Perempuan Liar.....	31
Siapa Ikon Perempuan Melayu?.....	32
Kegilaan Terhadap Fesyen.....	34
Kecantikan Buatan.....	35
Tekanan Hidup Wanita Moden.....	37
Bos Anda Seorang Wanita?.....	38

SI GAYA HIDUP





yang diterima ialah mereka tidak mahu berkahwin awal. Sebabnya, mereka mahu mencari duit sendiri dan *enjoy* sebagai orang bujang, beli kereta mahal dan pakai-cantik-cantik.

"Yang penting bagi mereka ialah kepuasan material. Dan amatlah benar pendapat yang mengatakan bahawa wanita sekarang bersifat materialistik. Dahulu wanita melahirkan anak 11 orang pun tidak menjadi hal kerana ia memang dianggap sebagai tugas mereka."

Dengan senario sebegini rupa, Malaysia sebenarnya sedang berdepan dengan masalah keruncingan penduduk. Apatah lagi kajian memberi petanda bahawa matlamat 70 juta penduduk menjelang tahun 2020 akan tinggal impian. Malah dalam tempoh 200 tahun pun belum tentu sasaran itu dapat dicapai disebabkan keengganan kebanyakan wanita berkahwin awal dan mereka pula hanya ingin mem-

1990-an, wanita berjumpa dan sebahagian besar mahu berkahwin. Pada alaf baru ini mereka berjumpa tetapi tidak semestinya berakhir di jenjang pelamin. Saya tidak terperanjat apabila mendapat tahu ramai wanita yang belum berkahwin pada lewat usia kerana memang sikap mereka telah berubah. Ia dianggap perubahan terakhir proses perindustrian. Bila wanita sudah berdikari dan selesa dengan gaji, mereka tidak terfikir untuk berkahwin kerana semuanya sudah terjamin. Wanita di Barat, contohnya, begitu yakin mereka boleh berdikari dan hidup seorang diri. Malah ada yang menganggap bersuami sekadar mengganggu kehidupan mereka."

Dalam sesetengah keadaan, wanita mula mengambil alih peranan lelaki. "Saya perhatikan semakin ramai perempuan memandu kereta manakala suami duduk di kerusi penumpang. Ada pula wanita bawa kereta lebih laju daripada lelaki." Manakala dari segi urusan kewangan keluarga, 70 peratus wanita Malaysia dipertanggungjawabkan

keras sudah menjadi lumrah termasuk di universiti-universiti. Malah sikap menghormati orang tua hampir pupus sebab terikut-ikut dengan kebaratan.

Transformasi gaya hidup wanita Malaysia tidak sahaja mengubah rupa bentuk kaum itu semata-mata tetapi turut mempengaruhi budaya masyarakat secara keseluruhan. Ambil saja tabiat pemakanan sebagai contoh. Dengan semakin ramai wanita yang meninggalkan tugas tradisi mereka - memasak - makan di luar rumah dan pengambilan makanan segera kian menjadi pilihan terutama di bandar-bandar.

Kajian terbaru bertajuk *Masalah Makan Penduduk Asia* yang dijalankan oleh Ogilvy & Mather Asia/Pasifik ke atas 14 negara rantau ini, membabitkan 6,000 temu ramah, merumuskan wujud paradoks sebenar dalam budaya makan penduduk Asia hari ini. Jansen Yeoh, Pengarah Perancangan Ogilvy & Mather Malaysia berkata, wanita Malaysia hari ini yang membentuk separuh daripada tenaga kerja di negara ini tidak mempunyai banyak masa untuk menjalankan tugas tradisional di rumah seperti memasak untuk keluarga. Sebagai tonggak keluarga, katanya, para ibu kecewa kerana terpaksa memikirkan mengenai makanan untuk keluarga setiap hari.

"Mereka sedar bahawa bukan mudah untuk menghidangkan makanan yang menarik dan berkhasiat untuk seisi keluarga setiap hari. Namun, sebilangan besar daripada mereka masih suka memasak untuk keluarga kerana mereka tahu makanan yang dimasak di rumah dapat mengeratkan hubungan keluarga. Memasak untuk keluarga juga menggalakkan gaya hidup dan pengambilan makanan yang seimbang dan sihat," kata Jansen.

Menurut Jansen, dengan 50 peratus penduduk berumur bawah 23 tahun, makanan segera mudah diterima sebagai sebahagian gaya hidup rakyat Malaysia. Pekerja pejabat dan pelajar juga mengangap kedai makanan segera sebagai alternatif kepada kedai kopi tradisional. Hidangan makanan segera seperti burger, pizza dan spaghetti semakin kerap dilihat di meja makan. Di samping itu, lebih ramai bergantung kepada makanan segera, iaitu makanan yang disediakan secara komersial untuk membantu menjimatkan masa, tenaga dan menyembunyikan kemahiran memasak. Dengan semua perkembangan ini, ternyata nilai-nilai baru sedang perlahan-lahan mengubah landskap gaya hidup tradisi wanita Malaysia. □



Dr. Fatimah Daud

untuk membayar bil bulanan, membeli-belah untuk keluarga, merancang percutian famili, dan membuat simpanan di bank. Dahulu, suami yang menguruskan semua ini.

Menurut Fatimah, semua senario tersebut sudah lama berlaku di Barat. "Jadi, benerlah teori penumpuan itu, di mana semua negara di dunia akan menuju ke satu titik iaitu Barat. Apa yang berlaku di Barat 20 atau 30 tahun dahulu kembali berlaku di negara ini sekarang." Apa yang diperlukan, kata beliau lagi, ialah asas ketimuran yang kuat untuk menyaring dan menerima nilai-nilai yang baik sahaja. Kata beliau, kesilapan tahun 1970-an jangan diulang lagi. Dekad berkenaan hampir menyaksikan wanita Melayu kehilangan identiti. Ketika itu, bergaun singkat, tidak bertudung dan meminum minuman

Apabila tradisi memasak di rumah kian berkurangan, trend makan di luar menjadi kebiasaan wanita moden.

punya seorang anak.

"Kos hidup dan penjagaan anak yang tinggi menjadi penghalang utama. Anak-anak sekarang mahukan telefon bimbit, komputer dan pakaian berjenama. Dahulu anak-anak cuma perlu diberi makan," kata Fatimah yang banyak membuat kajian mengenai wanita sejak tahun 1970-an lagi. Tambah beliau, sikap wanita sekarang terhadap lelaki juga berubah. Bertemu dan menjalin hubungan intim dengan lelaki tidak semestinya mereka mahu berkahwin dengan jejaka itu. Mereka bersikap memilih hingga akhirnya sanggup tidak berkahwin.

"Pada 1950-an ibu bapa yang tentukan siapa calon suami. Tahun 1980-an dan